

20/05/2002

Telekomunikasi pacu ekonomi negara

Khairul Anuar Samad

INDUSTRI komunikasi negara kini menjadi antara penyumbang utama perolehan negara dengan mewakili 43 peratus peningkatan dalam perolehan kasar sepanjang tiga tahun lalu hasil usaha gigih kerajaan memajukan industri itu.

Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie berkata, sepanjang tiga tahun, industri itu berjaya meningkatkan sumbangannya terhadap pertumbuhan pendapatan ekonomi negara dari RM11.7 bilion (1999) ke RM16.7 bilion (2001).

Katanya, pertumbuhan pendapatan setahun turut membuktikan kemajuan industri itu yang berjaya mencatat kenaikan sebanyak 12 peratus (2001) berbanding RM14.5 bilion pada 2000.

"Sepanjang tiga tahun itu juga (1999 hingga 2001), pelanggan telefon bimbit meningkat sebanyak 175 peratus mengatasi pertumbuhan penggunaan talian tetap DEL yang hanya mencatat pertumbuhan sebanyak 1.2 peratus (1999).

"Walaupun talian tetap DEL menunjukkan kenaikan sebanyak 4.6 peratus (2000) berbanding 1999, pertumbuhan penggunaan talian tetap masih lembap disebabkan kesan kepesatan pasaran telefon bimbit yang mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 66 peratus (1999 hingga 2000)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam uaptamanya ketika merasmikan Forum Telekomuniti Asia Pasifik (APT) 2002 bertemakan Perundangan dan Polisi Telekomunikasi, sempena sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia, di Kuala Lumpur, minggu lalu. Kira-kira 100 wakil daripada 25 negara menyertai APT 2002 itu.

Hadir sama ialah Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMC), Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid dan Presiden APT, Dr Mehdi Tabeshian.

Moggie berkata, kemantapan industri telekomunikasi negara terus dapat dikecapi dengan pengumuman wawasan strategik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad antaranya kewujudan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA).

Katanya, CMA menyediakan satu rangka kerja yang mampu meningkatkan potensi penggabungan dua teknologi itu dan sekali gus menjadi pemacu pertumbuhan industri komunikasi dan multimedia negara selain meletakkan Malaysia sebagai antara negara utama yang terbabit dalam penggabungan itu walaupun ketika itu masih dalam krisis ekonomi Asia (1997 hingga 1998).

"CMA membentuk satu rangka kerja perundangan yang berupaya mengkhususkan kepada sektor tertentu selain membolehkan kerajaan mengeluarkan satu lesen saja untuk setiap kali munculnya produk atau perkhidmatan berteknologi tinggi baru.

"Usaha ini juga membolehkan pemegang lesen sah dalam industri itu untuk menerokai perkhidmatan berlainan daripada asalnya tanpa timbul sebarang sekatan lesen bagi penggunaan teknologi lain," katanya.

(END)